

BAB KEDUA

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH NARATHIWAT SEBAGAI PIHAK BERKUASA AGAMA

2.1 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat

Sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat dan Majlis Agama Islam di selatan Thai umumnya mempunyai kaitan dengan sejarah kedudukan umat Islam di negeri Pattani sewaktu permulaan kejatuhan kepada jajahan Siam pada tahun 1415 M. Setelah negeri Pattani dijajah oleh Siam, ia dipecah menjadi tujuh buah negeri kecil iaitu Pattani, Saiburi, Raman, Jambu(yaaring) Raanget, Yalq dan Nongcik.³⁰

Ketujuh-tujuh negeri itu diperintah oleh raja-raja Melayu Islam yang dilantik oleh pihak pemerintah Siam dari kalangan orang Islam yang berkelayakan. Dari sudut pengadilan, umat Islam yang berada di bawah jajahan itu secara langsung mesti tunduk dan patuh kepada undang – undang yang berada di bawah mahkamah sivil Thai yang ada di daerah itu. Justeru, keadaan ini menimbulkan beberapa masalah kepada umat Islam yang sedang berkembang pesat di negeri Pattani di masa itu. Antara permasalahan yang timbul ialah dari segi perlaksanaan hukum Islam yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan pusaka, yang perlaksanaannya adalah wajib keatas umat Islam. Keadaan ini telah mendorong orang Melayu yang beragama Islam dan para ulama' Selatan Thai bermesyuarat untuk menuntut kebebasan dari pihak pemerintah supaya segala permasalahan

umat Islam yang berhubung dengan agama dapat diselesaikan mengikut hukum Islam. Pihak kerajaan Thai yang di pimpin oleh raja *Culalong korn Rama ke-V* yang memerintah pada waktu itu telah mempertimbangkan permohonan itu dengan mengambil beberapa langkah bagi menyelesaikan permasalahan umat Islam di bawah jajahan tujuh negeri itu.

Seterusnya baginda telah mengizinkan supaya umat Islam yang berada di bawah tujuh negeri tersebut dapat menggunakan hukum Islam bagi masalah perkahwinan dan pusaka dengan diberi peluang kepada raja-raja yang memerintah ketujuh negeri itu memilih orang-orang yang alim mengenai hukum agama dan melantik menjadi qādī bagi umat Islam didalam menyelsaikan masalah perkahwinan dan pusaka.³¹

Perlaksanaan langkah-langkah tersebut merupakan siasah (politik) pemerintah Thailand bagi mendapatkan sokongan umat Islam agar mereka menerima status pemerintahan Thailand dengan cara memberi otaunomi hukum Islam yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan warisan serta memberi peluang kepada masyarakat Islam menyelenggarakan pengadilan agama (*mahkamah syari'ah*) dengan melantik qadi di setiap mahakamah pengadilan di kawasan tujuh negeri (*Boriwen ced hua muang*)³²

Keadaan itu dapat dilaksanakan dengan baik sehingga berlaku perubahan dalam struktur pemerintahan Thailand di daerah itu pada tahun 1916 M dengan

30 Lihat Hasan Basai (penterjemah)(1989) *Islam di Muang Thai Nasinalisme melayu Masyarakat Pattani(Surin Pitsuwan)*, Jakarta :Lembaga Penerangan Ekonomi dan Sosial hal. 92.

31 *Ibid.*, hal. 92.

32 Lihat, Ahmad fathy Al fatāni *op.cit.*, hal. 81.

membahagikan semula ketujuh negeri itu menjadi empat kawasan dan diubah namanya dari negeri menjadi Changwad (wilayah). Pada tahun 1932 M telah berlaku pemberontakan untuk merampas kuasa di Bangkok yang dipimpin oleh ahli politik atas nama *Khana rasdr* (kelompok rakyat) yang bertujuan untuk mengubah pemerintahan monarki absolut kepada kedaulatan rakyat (Demokrasi)³³

Rentetan sistem pemerintahan demokrasi di Thailand pada waktu itu, umat Islam di wilayah selatan juga tidak dapat menuntut hak-hak keagamaan mereka dengan sepenuhnya malah situasi menjadi lebih buruk ketika negara dipimpin oleh seorang nasionalis Siam yang bernama *Pibul Songkram* yang beliau menggunakan dasar *Thai Ratana Niyom* atau konsep *Negara Thai Untuk Rakyat Bangsa Thai* yang bercirikan kebudayaan Thai.

Keadaan itu sangat mengecewakan umat Islam di Pattani khususnya dan umat Islam di derah lain umumnya. Antara perkara-perkara yang mengecewakan umat Islam ialah mereka di larang memakai pakaian Islam dan menggunakan nama-nama Arab dan Bahasa Melayu, sebaliknya mereka di paksa memakai nama-nama serta berpakaian secara model barat, bahkan hukum Islam yang berhubungan dengan keluarga dan warisan yang pernah di selenggara di mahkamah syariah selama pemerintahan raja *Chulalungkon Rama* ke -v mulai dihapuskan oleh rejim *Pibun Songgram*.³⁴

Walau bagaimanapun, umat Islam di selatan Thai tetap berpegang teguh dengan ajaran Islam dan mematuhi ulamanya. Hukum-hukum Islam dapat

33 Lihat Ahmad Omar Chapakiya (2000) *Politik Thai dan Masyarakat Islam di selatan Thailand* Kedah : Pustaka Darussalam hal. 87.

34 Ibid. , hal . 90

dipraktikkan dengan baik, sama ada dalam amalan sehari-hari atau dalam urusan perlembagaan masyarakat. Ia adalah berkat perjuangan dan kerja keras para ulama muslimin di kawasan itu yang bangkit dengan penuh perasaan tanggungjawab atas masalah-masalah yang berlaku dalam masyarakat muslim di empat wilayah selatan. Tambahan pula, pada masa itu daerah tersebut tidak ada pihak yang bertanggungjawab di dalam menangani masalah umat Islam.

Keadaan ini telah menyebabkan para ulama bersepakat untuk menujuhkan Majlis Agama Islam wilayah bagi mengurus dan membantu kaum muslimin. Hasilnya pada tahun 1943, terbentuklah Majlis Agama Islam di Pattani. Hj Sulong bin Abdul Kadir seorang ulama kenamaan di waktu itu dipilih sebagai yang dipertua pertama.³⁵ Langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah mengadakan mesyuarat bersama para ulama di selatan Thailand. Resolusi daripada mesyuarat tersebut, mereka telah bersepakat untuk memohon tujuh perkara daripada pihak pemerintah Thai. Iaitu:

1. Pengangkatan seorang komisaris tinggi untuk memerintah kawasan Pattani dengan sewenangnya untuk memecat, menskors atau mengganti semua pegawai pemerintah yang berkerja di daerah itu, orang itu harus pula berada di daerah dan di pilih oleh rakyat dalam satu pemilihan umum yang diadakan khusus untuk tujuan itu.
2. Lapan puluh peratus (80%) dari pegawai di pejabat pemerintah di daerah itu harus Melayu muslim (untuk mencerminkan rasio penduduk).
3. Bahasa Melayu dan Siam merupakan bahasa rasmi

³⁵ Majlis Agama Islam Pattani, (t,t) *Pengenalan ringkas Majlis Agama Islam Pattani*, Pattani dan lihat Ahmad fathy op. cit ., hal. 86.

4. Bahasa Melayu harus diajar di sekolah dasar.
5. Hukum Islam yang sedia ada di daerah itu akan digunakan untuk kesejahteraan rakyat di daerah itu dengan panggilan-panggilan Islam yang terpisah dan bebas dari sistem peradilan pemerintah.
6. Semua hasil pajak di daerah itu akan di gunakan untuk kesejahteraan rakyat daerah itu.
7. Majlis Agama Islam Wilayah (Propinsi) akan diberi wewenag penuh atas perundangan menurut hukum Islam mengenai urusan muslim dan kebudayaan melayu.³⁶

Namun, segala tuntutan tersebut di atas tidak dipertimbangkan oleh pihak pemerintah Thai. Kemudian setelah rejim kerajaan *Pibul Songkram* jatuh pada tahun 1944 dan digantikan dengan pemerintahan baru yang sikapnya lebih prihatin terhadap orang Islam berbangsa Melayu di empat wilayah selatan, dengan mempertimbangkan sebahagian daripada tuntutan itu. Sepertimana pada tahun 1945 pertama kalinya pihak pemerintah menyusun undang-undang yang di kenali sebagai *Sasnupatham fai Islam* iaitu undang-undang pentadbiran hal ehwal umat Islam yang menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan umat Islam seperti berikut :

1. Mengangkat seorang Muslim sebagai *Cularajmonteri* (*Syaikhul Islām*) bagi negara Thailand, yang berfungsi sebagai penasihat kepada kementerian dalam negeri dan kementerian pendidikan dalam urusan yang berhubungan dengan orang-orang Islam di Thailand.

³⁶ Lihat Hasan Basai *op.cit.*, hal.118.

2. Supaya umat Islam membentuk jamaah ahli jawatankuasa Islam Tertinggi bagi negara Thai (komite Islam kebangsaan) yang diketuai oleh *Cularajmonteri*.
3. Membentuk jamaah ahli jawatan kuasa Islam bagi wilayah (komite Islam propinsi) yang mempunyai majoriti orang Islam selaku penasihat Gabenor (Raja negeri) dan berfungsi sebagai pengurus hal ehwal agama Islam di bahagian wilayah.
4. Ahli Jawatan kuasa Majlis Agama Islam wilayah dikehendaki melantik jamaah ahli jawatan kuasa bagi setiap masjid yang ada di wilayah itu dengan persetujuan ahli kampung dan diketuai oleh seorang imam³⁷

Berdasarkan undang-undang *Sasnupham fai Islam* 1946 (lihat lampiran GG) terbentuklah Majlis Agama Islam di beberapa wilayah yang majoriti penduduknya beragama Islam, termasuk Majlis Agama Islam wilayah Narathiwat pada tahun 1946 M. Hj. Abdul Rahman Cik Ismail dilantik sebagai ketua pertama bagi Majlis Agama Islam Wilayah Narthiwat dan berpusatnya di masjid *al-Jam'iyyah* Bang Nara.³⁸ Kini seramai lapan orang Yang Dipertua Majlis Agama Islam Sepertimana yang dinyatakan didalam jadual di bawah ini:

37 Somboon Puttajuk *op.cit.*, hal. 181.

38- Majlis Agama Islam Wilayah Narthiwat (t,t) pengenalan Ringkas Majlis Agama Islam Wilayah Narthiwat hal 1

Jadual 2

Nama-nama Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat semenjak tahun 1946 hingga sekarang

Bilangan	Tahun	Nama yang dipertua
1	1946- 1949	Hj Abd.Rahman bin Che Ismail
2	1949- 1950	Hj. Nikjid bin Hj Nikwan
3	1950- 1971	Hj. Daud bin Mat diah
4	1973- 1977	Hj. Wan Hasan bin Wan Omar
5	1978- 1998	Tengku Ramli bin tengku Abdullah
6	1998- 1999	Ust Hj. Chemood Toknakayo
7	1999- 2000	Dato, Nik Wan Ali Hj. Nik lah
8	2000-	Ust Hj. Abd Kahman Abd. Samad

Sumber: Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat

Selain dari undang yang berkaitan dengan Islam, pada tahun yang sama 1946 pihak pemerintah Thailand telah mengeluarkan undang- undang yang kedua yang berhubung dengan perlaksanaan hukum Islam yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan warisan di empat wilayah selatan Thailand iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun (lampiran HH). Seterusnya undang-undang yang ketiga pada 1947 tentang urusan masjid, di mana ketiga undang-undang itu hanya di kuatkuasakan kepada umat Islam di negeri Thai secara umum, kecuali undang-undang pelaksanaan hukum Islam yang berkaitan dengan keluarga dan warisan yang hanya di khususkan kepada umat Islam di empat wilayah selatan Thailand sahaja.³⁹

2.2 Kekuasaan Majlis Agama Islam Wilayah dalam hal ehwal Agama

Berdasarkan undang-undang *Sasnuptham Fai Islam* (1946) maka kedudukan Majlis Agama Islam sebagai sebuah badan sosial dan keagamaan yang berada di bawah naungan kementerian dalam negeri dan kementerian pelajaran yang bertanggung jawab secara langsung hal ehwal Agama Islam di setiap wilayah yang mempunyai penduduknya beragama Islam.

Setelah Majlis Agama Islam wilayah mendapat mandat sepenuh terhadap umat Islam di wilayah, pihak pemerintah memperkuatkan lagi kedudukan Majlis Agama Islam (komite Islam Propinsi) dengan membuat pembaharuan semula undang-undang yang berhubung dengan komite Islam supaya sesuai dengan kedudukan semasa dan menggantikan yang lama (dengan mengeluarkan undang-undang yang baru dikenal dengan *Peraaraj Banyak kan Borihan Ongkon Islam 2540* (Undang-undang pentadbiran Organisasi Islam, Lampiran II). Di dalam undang-undang tersebut pihak pemerintah telah memperkemaskan lagi kedudukan Majlis Agama Islam serta memperluaskan lagi bidang kuasa yang diberi kepada ahli jawatan kuasa (komite Islam kebangsaan, komite Islam wilayah dan ahli jawatan kuasa masjid). Sepertimana ternyata dalam fasil 23/2540 bahwa:

“ Mana-mana wilayah yang mempunyai penduduk beragama Islam dan memiliki masjid lebih dari tiga buah masjid maka dikehendaki supaya ahli jawatan kuasa agama dengan pusat (negeri) melantik ahli jawatan kuasa hal

39 Manufiah Mauti (1998) *Pranan Dato Yuthithum dalam perlaksanaan hukum keluarga dan warisan di peradilan Agama Empat propinsi Thailand* Jakarta: Uinersitas Muhammadiyah Surakarta

ehwal agama Islam wilayah yang tidak kurang dari sembilan orang dan tidak lebih dari tiga puluh orang.

Bagi pelantikan ahli jawatan kuasa Islam wiiayah pihak kementerian dalam negeri menggaris atur cara supaya imam-imam bagi wilayah itu memilih calon ahli jawatan kuasa hal ehwal agama Islam wilayah serta memberi hak kepada calon yang di pilih memilih Yang Di Pertua, Naib Yang Di Pertua, setiausaha dan ahli jawatan kuasa di bawahnya. Setiap ahli jawatan kuasa itu di beri tempuh selam enam tahun dan akan di pilih semula setelah tamat perioder enam tahun.⁴⁰

Dalam undang-undang tersebut juga ada menyatakan bahawa tugas dan bidang kuasa yang diberi kepada ahli jawatan kuasa agama Islam wilayah adalah seperti berikut.

1. Selaku penyelia dan mengemukakan pandangan dalam perkara berhubungan dengan hal ehwal agama Islam kepada govenor wilayah.
2. Mengurus dan mengatur hal ehwal masjid serta menentukan cara mengawal pemilihan imam, khatib, bilal dan ahli jawatan kuasa masjid.
3. Mengeluarkan prosedur dan dokumen bagi pengesahan perkahwinan dan perceraian menurut ajaran Islam
4. Melaksanakan perdamaian dalam rumah tangga dan pusaka jika dibawa kes-kes ke majlis agama.

40 Kementerian Pelajaran (1997) *Prarajbaryat kan Borihan Ongkon Sasna Islam 2540* Bangkok : Kromsasna, hal. 6

5. Membuat kenyataan dan mengutuskan laporan tahunan kepada Majlis Agama Islam kebangsaan tentang harta wakaf dan wang masuk keluar Majlis Agama Islam wilayah.
6. Mengistihar dan mengeluarkan kenyataan bagi perkara yang berhubungan dengan urusan umum bagi umat Islam di wilayah.⁴¹

2.3 Dasar dan tujuan M.A.I.N⁴²

Majlis Agama Islam Narathiwat merupakan salah satu badan keagamaan dan sosial yang memainkan peranan penting untuk membangunkan kedudukan umat Islam di Narathiwat. Jabatan ini mempunyai beberapa dasar dan objektif yang telah di gariskan oleh pihak majlis seperti berikut:

2.3.1 Asas dan dasar


Agama Islam adalah sebagai asas bagi penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat yang akan memastikan masyarakat Islam dapat mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna berasaskan kepada *Al-qurān*, *Al-Sunnah*, *Ijmā'* dan *Qiās*.

2.3.2 Tujuan M.A.I.N

1. Untuk menjaga dan mempertahankan kesucian Islam

⁴¹ *Ibid*, hal 7

⁴² Majlis Agama Islam wilayah Narathiwat (1999) *Angaran dasar Narathiwat* : hal 2



2. Untuk menjaga dan mengawal kesetabilan umat.
3. Untuk meningkatkan fungsi sebagai pusat pentadbiran agama, bangsa, dan kebudayaan.
4. Berusaha meningkatkan mutu pendidikan umat Islam di setiap peringkat pengajian.
5. Untuk melaksanakan tugas *Amru Bil ma'rūf dan Nahy i Anil munkar*
6. Untuk meningkatkan ekonomi umat Islam
7. Untuk meningkatkan kesihatan umat Islam

2.3.3 Sifat dan usaha⁴³

M.A.I.N adalah bersifat keugamaan dan Sosial yang berusaha untuk:

- 1- Menyelaraskan kerja-kerja majlis supaya lebih bersistematis.
- 2- Menetapkan masjid sesuai dengan fungsinya
- 3- Menghidupkan hubungan di antara Majlis Agama Islam dengan imam- imam
- 4- Meningkatkan taraf pentadbiran imam-imam agar dapat memimpin di tempat masing masing dengan lebih berkesan
- 5- Menegakkan kesucian ‘aqīdah Ahli sunnah
Wal Jamāāh
- 6- Meningkatkan Da’wah Islamiah

⁴³ Ibid., hal

- 7- Meningkatkan mutu pendidikan terutama di peringkat dasar dan lanjutan melalui kerjasama lembaga-lembaga pendidikan baik di dalam maupun luar negeri.
- 8- Menjaga dan mengembang budaya bangsa yang tidak bertentangan dengan Islam
- 9- Membela orang-orang miskin, anak Yatim, Muallaf dan Mereka yang kurang bernasib Baik.
- 10- Bekerjasama dengan badan, organsasi Islam sama ada di dalam atau di luar sesuai dengan fungsinya.
- 11- Memberi krusus tentang perkahwinan kepada masyarakat dan muallaf (saudara baru)
- 12- Memerlukan kursus kepada pegawai majlis
- 13- Memperbaiki sumber ekonomi majlis
- 14- Melaksanakan *Amru Bilmaaruf dan Nahyi Anil Munkar*
- 15- Mengadakan lembaga pendidikan di peringkat awal hingga seterusnya
- 16- Menyatukan hukum/fatwa di atas mazhab syaf'i dan Qaul yang mu'tamad

2.4 STRUKTUR DAN ORGANISASI M.A.I.N

Dari undang-undang Thai yang berhubungan dengan komite Islam Sepertimana yang ternyata dalam *praaraj banyat kan Borohan Ongkon Islam*

Islam BD 2540 yang menyatakan bahwa setiap Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di mana mana wilayah mesti mempunyai anggotanya tidak kurang dari sembilan orang dan tidak melibih tiga puluh orang. Maka Majlis Agama Islam wilayah Narathiwat telah mempunyai anggota pengurus bagi tempoh 1999- 2006 ini seramai tiga puluh orang (lihat lampiran **OC**) dengan memegang jawatan seperti ternyata dalam carta organisasi berikut:

CARTA ORGANISASI M.A.I.N




Dari Carta Organisasi ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Narathiwat diatas, kesemua jawatan adalah terdiri daripada mereka mengambil calon dan dipilih oleh imam-imam dari seluruh wilayah Narathiwat seramai 582 orang sebagai ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam wilayah dalam tempoh enam tahun. Ahli jawatankuasa M.A.I.N berperanan mentadbir serta menentukan dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang akan dilaksanakan oleh M.A.I.N dalam tempoh enam tahun.

Ahli jawatankuassa M.A.I.N telah melantik Hj Mohd Daud bin Saman di bahagian pentadbiran Hal Ehwal Perkahwinan dan Perceraian untuk tempoh (1999-2006) sebagai yang dipertua badan munakahat bagi perioder ini. Badan ini diberi tanggungjawab mengawal dan menyusun hal ehwal perkahwinan dan perceraian umat Islam di wilayah ini serta mereka diberi kuasa untuk mengeluarkan prosedur-prosedur perkahwinan dan perceraian untuk dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Kedudukan Carta Pentadbiran hal ehwal perkahwinan dan perceraian di wilayah Narathiwat ini pula adalah seperti mana berikut

Carta pentadbiran hal ehwal perkahwinan M.A.I.N



Jawatan-jawatan yang terdapat dalam carta pentadbiran Hal Ehwal Perkahwinan ini sebahagiannya adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa M.A.I.N yang dipilih pada setiap enam tahun ; seperti Yang Dipertua Badan Munakahat, Timbalan Yang Dipertua Badan Munakahat, Bahagian Pendamaian dan Perceraian, Wali-wali Am. Manakala jawatan lain seperti pegawai Pendaftar Perkahwinan dan Perceraian, Pendaftar Perkahwinan dan Juru nikah di qariah yang terdiri dari kalangan para imam adalah merupakan pegawai tetap yang bertugas di bawah badan munakahat yang tidak terlucut jawatan dengan sebab pertukaran ahli jawatankuasa M.A.I.N dan ketua badan munakahat, sehingga menerima surat pelucutan dari pihak yang berkuasa M.A.I.N.

2.5 Majlis Agama Islam Wilayah dan Peradilan Agama (Mahkamah Syari'ah) Wilayah

Berdasarkan latar belakang sejarah pelaksanaan hukum Islam dan perkembangannya, dapatlah diketahui bahwa pihak pemerintah Thailand telah mengeluarkan tiga undang-undang yang berhubungan dengan umat Islam semenjak tahun 1947. Undang-undang itu ialah :

- 1- Undang-undang *sanupatham fai Islam*.
- 2- Undang-undang kekeluargaan dan warisan di empat wilayah selatan Thailand.
- 3- Undang pentadbiran masjid.

Semua undang-undang itu di pembaharui semula pada tahun 1997 dengan nama undang undang *praaraj banyatkan Borihan ongkon Islam 1997*. Pihak pemerintah telah menyerah urusan perlaksanaan kepada dua badan yang bertanggung jawab tentang umat Islam, iaitu pejabat pengadilan agama wilayah (Mahkamah Syari'ah) dan Majlis Agama Islam wilayah. Kedua-keduanya mempunyai fungsi dan kedudukan yang berbeza di antara satu sama lain .

2.5.1 Majlis Agama Islam Wilayah

Seperti mana dinyatakan di atas bahwa Majlis Agama Islam kebangsaan, dan wilayah adalah badan sosial keagamaan yang menguruskan urusan agama Islam berbentuk swasta yang berada di bawah kawalan kementerian dalam negeri dan kementerian pelajaran yang berfungsi selaku pemberi nasihat kepada Gabenor

Wilayah dan mengurus hal ehwal agama dan umat Islam di wilayah. Badan ini telah dirasmikan oleh kerajaan Thai semenjak tahun 1945 hingga sekarang.

Ahli jawatan kuasa dan kakitangan Majlis Agama Islam adalah dipilih oleh umat Islam dari kalangan mereka yang memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh kementerian dalam Negeri. Mereka tidak bersifat sebagai pegawai kerajaan, dan bidang kuasa yang diberi hanyalah mengurus hal ehwal Agama Islam yang tiada berkaitan dengan undang-undang. Mereka diberi hak untuk menentu dasar, dan polisi bagi mentadbir secara tersendiri, serta diberi hak untuk mengeluarkan prosedur-prosedur bagi menguruskan hal ehwal agama Islam seperti, prosedur perkahwinan, perceraian, soal pusaka, pemungutan zakat, mengurus haji dan umrah serta mengatur kegiatan dakwah bagi umat Islam di wilayah masing-masing. Oleh itu dasar, polisi dan prosedur bagi setiap Majlis Agama Islam Wilayah itu mungkin ada perbezaannya di antara satu wilayah dengan yang lain.⁴⁴

Bagi prosedur-prosedur yang digariskan itu, perlu dilaksanakan mengikut persetujuan umat Islam di wilayah itu sendiri. Prosedur-perosedur itu tidak boleh dikuatkuasakan dan tidak ada hak untuk mengambil tindakan undang-undang jika umat Islam tidak mematuhi perosedur-prosedur itu. Ia hanya dianggapkan sebagai lembaga kehakiman yang di setujui oleh umat Islam untuk menyelsaikan masalah mereka secara sukarela yang di sebut sebagai [مجلس التحكيم] atau *qadi syar'I daruri* semata-mata.

⁴⁴ Temu bual dengan Dato" Nikwan Ali di Mahkamah Syar'i Wilayah pada 5 Ogos 1999.

Keadaan ini amat berbeza sekali dengan kedudukan Majlis Agama Islam di Malaysia. Dimana Majlis Agama Islam mempunyai kuasa mutlak untuk menjalankan prosedur yang digariskan dan undang-undang itu dikuatkuasakan oleh pihak pemerintah, kerana ia di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan negeri yang bertindak sebagai satu badan yang merangka polisi pentadbiran, dan mentadbir undang-undang syari'ah. Manakala jabatan qadi di pengadilan agama (*Mahkamah Syarie*) Wilayah di negara Thai ini mempunyai kedudukan yang berbeza dengan Mahkamah Syari'ah di negeri-negeri Islam lain. Sepertimana Malaysia, kedudukan qadi dan peranananya sangat terbatas bila di banding dengan qadi-qadi di negeri Islam lain.

2.5.2 Peradilan agama (Mahkamah Syari'ah) wilayah

Mahkamah yang berada di wilayah Pattani, Yala, Setun, dan Narathiwat ini merupakan mahkamah di tingkat wilayah (propinsi) yang sistemnya berbeza dengan mahkamah peringkat wilayah yang berada di mahkamah lain di negeri Thailand itu. Hal ini disebabkan mahkamah-mahkamah yang terdapat di empat wilayah itu mempunyi dua sistem kehakiman iaitu Mahkamah syari'ah [محكمة شرعيه] yang menyelsaikan kes kekeluargaan dan pusaka bagi umat islam dan Mahkamah Sivil pada sesuatu tempat. Kedua-keduanya berada di bawah seorang ketua hakim Thai di wilayah yang berkaitan. Hanya bagi kes kekeluargaan dan pusaka yang berkaitan dengan umat Islam akan diselesaikan dengan undang-undang kekeluargaan Islam oleh *Dato' yuthitham* (Qadi Islam) yang dilantik oleh kerajaan Thai sebanyak dua orang pada setiap Mahkamah di empat wilayah selatan. Salah satu dari (Dato'qadi) akan duduk bersama hakim Thai apabila melangsungkan

pembicaraan kes-kes tersebut. Manakala kes-kes orang Islam yang tidak berkaitan kekeluargaan dan pusaka, Kesnya akan diserahkan kepada hakim Thai (di mahkamah sivil) dengan menggunakan undang undang "sivil" dan jinayah yang di gunapakai suluruh Negara Thai.⁴⁵

Bidang kuasa qadi Islam dalam menyelsaikan kes-kes orang Islam sangatlah terbatas kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Ia tertakluk kepada undang undang pelaksanaan hukum Islam 1946 fasal ke-III dan IV menyatakan:

Dato' yuthitham dalam menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan hukum keluarga dan pusaka di mahkamah agama wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Satun sekiranya pendakwa atau yang didakwa, atau pemohonnya orang Islam, dalam hal ini mesti nya dato' yuthitham menyelesaikannya dengan hukum Islam, kecuali dalam masaalah umur harta pusaka akan tetap berlaku menurut undang-undang sivil⁴⁶

dan dalam fasal ke-IV menyatakan bahwa :

Dato' yuthitham dalam persidangan di peradilan, hendaknya salah satu dari mereka duduk di samping hakim Thai dalam menyelesaikan perkara serta menangani bersama dengan hakim

⁴⁵ Temu bual Dato Nik wan Ali pada 5 Ogust 1999

⁴⁶ kementerian kehakiman (1982) *Kan sammana kan cai kodmailislam nai khet Changwad Pattani , Narathiwat, Yala, lea satun Bangkok*: hal 293

Thai sesudah memberi keputusan, setiap keputusan Dato, yuthitham adalah keputusan final tidak ada proses naik banding.⁴⁷

Dari undang-undang di atas dapatlah dirumuskan kuasa Dato' qadi adalah seperti berikut :

- 1- Dato' yuthitham (qadi Islam) berkuasa menyelsaikan kes-kes orang Islam yang berkaitan perundangan Islam hanya di empat wilayah selatan sahaja, manakala wilayah-wilayah lain undang-undang Islam tidak dibenarkan.
- 2- Kuasa Dato' Yuthitham hanya dalam kes biasa yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan warisan sahaja. Jika kes-kes yang tidak berkaitan dengan hal itu akan diselesaikan oleh hakim Thai dengan undang-undang sivil.
- 3- Keputusan Dato' Yuthitham harus dapat persetujuan dari ketua hakim Thai di mahkamah itu.
- 4- Dalam persidangan pula Dato' Yuthitham hanya duduk di samping hakim Thai selaku penasihat hukum yang berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan dan pusaka orang-orang Islam sahaja.
- 5- Dari sudut pelaksanaan pula, kewujudan mahkamah peradilan agama di empat wilayah selatan, kurang mendapat sambutan dari masyarakat Islam. Secara umumnya umat Islam tidak berminat menyelsaikan kes mereka di

⁴⁷ *Ibid.*, hal. 293.

mahkamah, bahkan kebanyakan umat Islam suka membuat perdamaian bersama dengan membawa kes-kes mereka ke rumah orang alim atau imam-imam. Apabila hal tersebut tidak dapat di selesaikan di kampung mereka akan membawa kes-kes mereka ke Majlis Agama Islam wilayah untuk diselsaikan.⁴⁸

Keadaan ini menunjukan bahwa Majlis Agama Islam itu lebih di percaya untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang mereka hadapi terutama dalam hal kekeluargaan dan warisan sebelum dibawa ke mahkamah. Kecuali kes-kes yang tidak boleh diselesaikan di Majlis Agama Islam wilayah barulah kes-kes itu dibawa ke mahkamah untuk diselsaikan dengan undang-undang Islam yang terdapat di mahkamah.

Dari kenyataan ini juga, kita dapati bahawa tugas tanggung jawab Majlis Agama Islam dalam menyelesaikan masalah ini lebih berat kalau dibanding dengan pejabat qadi di mahkamah pengadilan agama. Setelah menyedari tentang kepentingan tugas ini, maka Majlis Agama Islam cuba menyusun perosedur-perosedur untuk di laksanakan keatas umat Islam seperti prosedur perkahwinan dan prosedur perceraian. Prosedur-prosedur itu ada yang dikhkususkan untuk dilaksanakan di Majlis Agama Islam dan ada prosedur yang dilaksanakan oleh imam-imam kampung yang berada di bawah arahan Majlis Agama Islam wilayah masing-masing

⁴⁸ Lihat Manufiah Mauti. *op. cit.*, hal. 66-70.